

22 JUL 2002

PELABURAN-DASAR/I

RAFIDAH: PELABUR TIDAK PERLU BIMBANG TERHADAP PELETAKAN JAWATAN PM

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

TOKYO, 22 Julai (Bernama) -- Pelabur-pelabur asing tidak perlu bimbang dengan tidak wajar terhadap keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletak jawatan tahun depan kerana pengurusan ekonomi Malaysia dan juga dasar-dasar perdagangan dan pelaburan akan terus kekal, dan perubahan-perubahan hanya akan dilakukan untuk memperbiakinya, jika perlu.

Jaminan itu diberikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, sebagai menjawab kebimbangan yang ditimbulkan oleh beberapa pelabur Jepun mengenai peletakan jawatan Dr Mahathir Oktober tahun depan.

"Kami adalah kerajaan secara kolektif dan dasar-dasar yang dilaksanakan dibuat melalui keputusan bersama," katanya.

Keputusan secara kolektif yang dibuat oleh kerajaan melalui Kabinet adalah amalan biasa bagi Malaysia sepanjang 20 tahun lalu, tambah beliau.

"Sebarang perubahan dalam dasar, kami akan memperbaikinya dan membina di atas asas yang telah dibina oleh perdana menteri," katanya.

"Pada asasnya, dasar-dasar itu adalah sama," tambah menteri itu.

Dr Mahathir juga baru-baru ini berkata bahawa dasar-dasar kerajaan tidak akan diubah cuma kerana terdapat perubahan di dalam kepimpinan negara.

Semasa beberapa seminar sebelum itu di Osaka, Rafidah tela menyatakan bahawa peralihan kepimpinan yang licin telah diwujudkan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kuasa lewat tahun depan sebaik sahaja Dr Mahathir meletak jawatan.

beliau menjaawb banyak soalan selepas seminar mengenai "Peluang-peluang Perniagaan di Malaysia" yang dihadiri oleh lebih 700 peserta termasuk banyak pegawai Jepun mewakili perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana yang berminat mempelajari lebih banyak mengenai galakan-galakan pelaburan Malaysia dan juga syarikat-syarikat yang telahpun beroperasi di Malaysia.

Kepada soalan sama ada bumiputera akan diberi bantuan di bawah Dasar Ekonomi Baru dalam perniagaan, beliau menjelaskan bahawa DEB telah diganti dengan Dasar Pembangunan Negara 10 tahun lalu dan kerajaan "akan membantu mereka yang masih perlu bantuan tetapi bumiputera kini adalah agak berketahanan berbanding dengan 30 tahun lalu dan boleh maju mengikut kelebihan (merit) mereka sendiri."

Ditanya sama ada Malaysia merancang untuk melanjutkan galakan-galakan bagi pelaburan, katanya dasar-dasar pelaburan seperti elaun pelaburan semula telah dilanjutkan kepada 15 tahun dan diperluaskan termasuk lebih banyak produk dan sektor.

Butiran-butiran terperinci mengenai dasar-dasar pelaburan Malaysia boleh didapati dalam bahawa Jepun di laman web Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di www.midajapan.org.jp.

Maklumat mengenai galakan-galakan ke atas perdagangan boleh didapati daripada www.matrade.gov.my manakala maklumat mengenai perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana boleh didapati daripada www.smidec.gov.my manakala laman web kementerian ialah www.miti.gov.my.

Rafidah berkata Malaysia juga setanding dengan destinasi pelaburan lain dan bersedia untuk bertanding atau malahan memperbaiki galakan-galakan itu yang diberikan oleh negara-negara lain seperti terbukti oleh galakan-galakan khas, atau dikenali sebagai galakan-galakan pra pakej yang kini ditawarkan kepada pelabur-pelabur.

Beberapa peserta juga mengadu mengenai mutu kemudahan-kemudahan telekomunikasi di Malaysia, terutamanya mengenai penerimaan lemah apabila menggunakan telefon mudahalih. Kepada soalan itu, Rafidah berkata Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia kini melihat cara-cara untuk memperbaiki keadaan dengan menggalakkan syarikat-syarikat meluaskan keupayaan mereka dan juga bergabung di kalangan mereka untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

Rafidah berlepas ke Hong Kong hari ini dengan pegawai-pegawai MITI, MIDA dan MATRADE untuk satu dialog dengan masyarakat perniagaan Malaysia di sana malam ini dan majlis jamuan makan malam perniagaan dengan masyarakat perniagaan Hong Kong esok. -- BERNAMA

MR SHY OS